



MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

JAWATAN KOSONG

1. (a). Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada pemohon atau ibu/bapa pemohon yang dilahirkan di Negeri Selangor yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan seperti senarai dibawah
- (b). Keutamaan diberi kepada bekas atlet Negeri Selangor dan berpengetahuan serta berminat dalam bidang sukan.
- (c). (i) Tarikh mula iklan ialah pada **10 Februari 2020**
(ii) Tarikh tutup permohonan ialah pada **21 Februari 2020**

BIL	JAWATAN	GRED
A.	GRED LANTIKAN	
1	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	S29

2. Taraf Jawatan : Kontrak
3. Umur : Calon-calon lantikan terus mestilah berumur dari 18 tahun pada tarikh iklan ditutup.
4. Jadual Gaji : }
5. Syarat Lantikan : } Sila rujuk portal rasmi MSN Selangor di alamat berikut:
<http://www.msn Selangor.gov.my>
6. Fungsi / Bidang tugas : }
7. Cara Memohon : (a) Semua permohonan hendaklah dibuat dengan memuat turun Borang Permohonan Jawatan di www.msn Selangor.gov.my.
- (b) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor beserta dengan dokumen-dokumen sokongan seperti di perenggan (c) di bawah:
- (c) Semua permohonan hendaklah disertakan sekeping gambar berukuran paspot, salinan kad pengenalan pemohon, ibu dan bapa serta sijil lahir, sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan.
- (d) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.

- (e) Permohonan daripada kakitangan awam yang sedang berkhidmat hendaklah mendapat sokongan dan pengesahan Ketua Jabatan.
- (f) **Permohonan yang tidak lengkap akan DITOLAK.**

8. Alamat Permohonan : Alamat Surat Menyurat:

**Pengarah Eksekutif
Majlis Sukan Negeri Selangor
Aras 2 & 3, Kompleks Generasi Muda Dan Sukan
Negeri Selangor, Lot 4, Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7,
Persiaran Kayangan, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.**

9. Perhatian : (a) Hanya calon yang berkecualan dan melepasi saringan yang dijalankan sahaja yang akan dipanggil temuduga.
- (b) Pemohonan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh berikut:
- i. Selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup; atau
 - ii. Selepas 6 bulan dari tarikh temuduga (sekiranya berjaya dipanggil temuduga)

10. Pertanyaan : Sebarang pertanyaan bolehlah dibuat dengan menghubungi pihak Urusetia melalui telefon atau melalui email berikut:

- (a) urusetia : 03-5510 9063
- (b) email : admin@msnselangor.gov.my

1. NAMA JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI BELIA & SUKAN (KONTRAK)

Gred dan Jadual Gaji S29	:	<u>GAJI MINIMUM</u>	<u>GAJI MAKSIMUM</u>
		RM 1,493.00	RM 5,672.00
ITKA	-	RM 160.00	
ITP	-	RM 300.00	
Bayaran Bantuan Sara Hidup	-	RM 300.00	
Kenaikan Gaji Tahunan	-	RM 145.00	

Skim Perkhidmatan : Pelaksana

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan STPM/DIPLOMA

Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial (S)

Syarat Lantikan:

- a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

[Gaji Permulaan: RM1,493.00] **atau**

- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

[Gaji Permulaan: RM1,493.00] **atau**

- (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan: RM1,770.95] **dan**

- b) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

c) PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

d) DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab menguruskan dan melaksanakan program/projek belia dan sukan termasuk kerja-kerja menyelaras kegiatan-kegiatan berkenaan, memberi nasihat, bimbingan, kursus-kursus, membuat kajian keperluan sukan dan jenis-jenis sukan, merancang dan juga melaksanakan program di peringkat daerah dan negeri.